

20 SEP 2003

Mahathir-Lega

DR MAHATHIR TIDAK RAGU-RAGU TINGGALKAN BN KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa leganya dengan kekuatan semasa Barisan Nasional (BN) sebelum menyerahkan kuasa kepada bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata beliau tidak ragu-ragu untuk menyerahkan kuasa kepada timbalannya itu memandangkan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua parti komponen amat memuaskan.

"Saya puas hati tidak siapa pun keluarkan pendapat yang negatif. Semuanya memberi sokongan kepada Pak Lah, jadi saya balik ni sayapun lega," katanya pada persidangan media selepas merasmikan Perayaan Ulangtahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas situasi BN setelah peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri pada penghujung bulan depan.

Ditanya mengenai kemampuan Abdullah untuk menerajui BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata pengantinya itu telah membuktikan bahawa BN mampu mencapai kejayaan walaupun tanpa bantuan terus daripada beliau.

Dr Mahathir berkata: "Saya fikir Pak Lah boleh. Masa dulu pun semasa saya ada sebagai presiden BN, Pak Lah main peranan besar dalam pilihan raya. Bahkan saya tidak turun padang, saya serah kepada Pak Lah. So no problem lah."

Beliau juga yakin BN mampu kekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang, dan beliau akan turut turun padang membantu.

"Saya akan kempen walaupun sebagai ahli biasa yang tidak menjadi calon. Saya akan kempen kerana saya tidak lupa ramai orang yang kempen untuk saya sehingga saya dapat menjadi perdana menteri.

"Sekarang ini, giliran saya untuk membalas budi," katanya.

Mengenai peluang BN untuk merampas kembali Kelantan dan Terengganu daripada PAS, Dr Mahathir berkata kedudukan BN kini jauh lebih baik untuk melakukannya berbanding sebelum ini.

"Saya nampak ada peluang yang lebih cerah sekarang ini daripada dulu," katanya.

Perdana menteri juga tidak menolak kemungkinan akan meluangkan lebih banyak masa untuk ke Kelantan dan Terengganu bagi memantapkan lagi BN untuk berkuasa kembali di kedua-dua negeri itu.

Ditanya mengenai adakah parti-parti komponen BN di Sabah dan Sarawak akan diminta untuk bergabung bagi menubuhkan parti yang lebih besar, Dr Mahathir berkata terserah kepada parti berkenaan untuk berbuat demikian kerana ia mewakili komposisi kaum dan pendapat yang pelbagai.

"Itu terpulang kepada mereka, jika mereka pilih untuk bergabung, kita tidak ada masalah. Kalau mereka tidak hendak bergabung kerana ada berlainan pendapat atau suku kaum, kita serah kepada mereka. Kita tidak paksa.

"Di Malaysia kita tidak paksa sesiapa menerima sesuatu. Kita nak bebaskan semua kaum dengan cara mereka, semua parti dengan cara mereka. Asalkan mereka berpegang kepada prinsip perjuangan BN, prinsip kongsi kuasa," katanya.

-- BERNAMA

MUN RBZ HK RHM